

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan pendidikan dalam pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu zaman penjajah. Kajian ini juga memperlihatkan peranan pendidikan telah berjaya menghasilkan peradaban Melayu seperti Kesultanan Melaka, Aceh, Samudera Pasai, Patani dan lain-lain sebelum penjajah. Namun segalanya berubah apabila adanya bentuk penjajahan yang diamalkan oleh barat bermula dengan Portugis yang mengalahkan Kesultanan Melaka pada tahun 1511. Bermula dari sinilah seperti yang dikatakan oleh kebanyakan tokoh ilmuan bahawa 'peradaban Melayu adalah peradaban yang terbantut' oleh penjajahan. Melalui penjajahan juga maka bermulalah perubahan epistemologi intelektual masyarakat Melayu ke arah pendidikan sekular. Maka dari sinilah terhasilnya satu peradaban Melayu yang telah diadun dengan pandangan semesta setempat dengan pendidikan sekular sehingga sekarang ini.

Hasil kajian mendapati bahawa melalui pendidikan pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu Islam semakin subur dan telah berada di kemuncaknya. Namun penjajah telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Melayu dengan meminggirkan dan memisahkan pendidikan agama dengan pendidikan dunia. Bahasa Melayu juga dijadikan bahasa '*second class*' yang menyebabkan hanya segelintir masyarakat Melayu yang berpendidikan tinggi di kalangan orang bangsawan dan orang berada. Mereka juga telah diberi pendidikan dan mengamalkan kebudayaan barat serta dipilih menjadi pemimpin masyarakat. Akhirnya muncullah peradaban Melayu di Tanah Melayu berasaskan barat sehingga kini.

## **ABSTRACT**

*This research aims to assess the role of education in the development and growth of the Malay civilization under British colonization. This research also reveals the role of education which had successfully given rise to Malay civilizations such as the Malaccan Sultanate, Aceh, Samudera Pasai, Patani and others before the colonial era. However, everything changed with the western colonialism practised by the Portuguese who defeated the Malaccan Sultanate in 1511. From that moment onwards, as quoted by most intellectuals, the 'Malay civilization has been perceived as undeveloped' by the colonial masters. Also, through colonisation, the intellectual epistemology of the Malay community evolved towards secular education. From thence, a Malay civilization, with local world views mixed with secular education, has evolved.*

*The result of this research indicates that through education as well as the development and growth of the Islamic Malay civilization has ever since progressed and is now at its peak. The colonials, however, had played an important role in the Malay education system by extricating and separating Islamic education from universal education. Furthermore, since the Malay Language has been made the 'second class' language, this has resulted in producing only a handful of highly educated Malays among the aristocrats and the wealthy. Besides western educated, they practised the western culture and were chosen as the community leaders. Hence, this has given rise to a Malay civilization which is westernised.*